

Tidak perlu pinda

BH 06 OCT 2001

KUALA LUMPUR, Jumaat - Perlembagaan Persekutuan tidak perlu dipinda berikutan perisytiharan Malaysia sebagai sebuah negara Islam, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Malah, Perdana Menteri menegaskan, perkara itu tidak perlu dibahaskan di Dewan Rakyat seperti diminta Pas kerana parti pembangkang itu hanya semata-mata mahu mencari keuntungan politik.

"Apabila Umno mengisytiharkan Malaysia adalah negara Islam, sekarang ini, ini tidak bermakna akan ada apa-apa pindaan kepada perlembagaan untuk nak jadikannya sebagai negara Islam kerana (Malaysia) sudahpun negara Islam.

"Kita setuju selama ini semua orang Melayu, Cina, India, orang Islam atau apa agama sekalipun tinggal di Malaysia dengan perlembagaan sedia ada dan kita tidak

mempunyai masalah.

"Semua parti komponen Barisan Nasional (BN) berasa selesa. Mereka tidak ada masalah dengan Malaysia sebagai negara Islam seperti yang diisytiharkan Umno," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat Dewan Tertinggi BN di sini, hari ini.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata, mesyuarat lebih dua jam itu membincangkan isu berkenaan dan semua pemimpin 13 parti kompo-

perlembagaan: Dr M

nen, termasuk bukan Islam, menyokong perisytiharan Malaysia sebagai negara Islam.

Bagaimanapun, pemimpin terbabit hanya khuatir negara Islam ala Pas kerana parti pembangkang itu tidak menjelaskan mengenai negara Islam yang diperjuangkannya.

Katanya, ada juga parti komponen mempersoalkan DAP, yang mencabar Gerakan dan MCA kenapa dua parti komponen itu

tidak menolak negara Islam yang diisytiharkan Umno.

Beliau berkata, pemimpin parti komponen berpendapat DAP harus menjelaskan apa yang akan dilakukannya kepada Malaysia supaya tidak menjadi negara seperti sekarang kerana mereka juga sudah berada di negara ini tanpa masalah selama 44 tahun lalu.

"Apa pindaan yang dia (DAP) nak, sedangkan keadaan sekarang ini diteri-

ma oleh DAP juga. Kalau DAP ada cadangan mengenai apa yang perlu dibuat kepada perlembagaan, DAP boleh bagi penerangan.

"Kita semua bersetuju Malaysia sekarang ini adalah negara Islam dan ia tidak menjadi masalah kepada parti komponen lain dan juga penganut agama lain," katanya.

Mengenai saranan Pas supaya isu itu dibahaskan di Dewan Rakyat, Dr Mahathir berkata parti itu

cuma mahu menunjukkan yang ia tidak bersetuju apa saja langkah BN walaupun perkara baik.

"Pas adalah parti politik yang tidak mempunyai kuasa moral. Sebaliknya, kuasa moral mengenai Islam adalah multi dan raja. Di Malaysia, Islam diletak di bawah kuasa raja, tetapi Pas tak mahu ikut ajaran Islam, dia patut patuh kepada raja, tetapi dia menentang raja," katanya.